



**ISTANA BUDAYA
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN
BUDAYA MALAYSIA**



NOTIS PELAWAAN

1. Terbuka kepada syarikat yang berpengalaman serta berkeupayaan dan Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah Kod Bidang 040103 dengan pendaftaran masih sah laku tempohnya adalah dipelawa untuk perkhidmatan seperti berikut:

No. Sebut Harga : SH/IB/400-10/8/SH-17/2023

**Tajuk Sebut Harga : PERKHIDMATAN MENYEWAKAN DAN MENJALANKAN
PENGENDALIAN KAFETERIA DI ISTANA BUDAYA**

**Syarat Pendaftaran : Berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam Kod Bidang
040103 – Makanan Bermasak (Islam)**

**Tarikh Taklimat/ Lawatan Tapak : 27 November 2023 (Isnin) Pendaftaran pada jam 10.00 pagi
bertempat di Bilik Sri Nilam, Bangunan Panggung Istana
Budaya.**

**Tarikh Tutup Sebut Harga : 7 Disember 2023 (Khamis) sebelum jam 12.00 Tengahari.
(Dokumen yang dihantar lewat tidak akan dipertimbangkan)**

2. Kehadiran ke sesi taklimat/ lawatan tapak sebut harga adalah **DIWAJIBKAN** sebagai salah satu syarat untuk menyertai sebut harga ini. Penyebut harga yang tidak hadir ke sesi taklimat/ lawatan tapak, **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN PERMOHONANNYA.**
3. Syarikat dikehendaki membawa sijil asal dan salinan Sijil SSM, Sijil Kementerian Kewangan, Sijil Taraf Bumiputra serta cop syarikat semasa menghadiri Taklimat/Lawatan tapak. Hanya Penama di Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat sahaja yang dibenarkan menghadiri Taklimat/Lawatan Tapak dan tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama yang dibenarkan dalam sijil.
4. **Dokumen Sebut Harga akan diberi secara percuma semasa sesi taklimat/lawatan tapak.** Dokumen Tawaran Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dan ditulis di sebelah kiri sampul Tajuk Sebut Harga serta No. Sebut Harga dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat seperti berikut:-

**ISTANA BUDAYA
UNIT PEROLEHAN
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
TINGKAT 2, BANGUNAN PENTADBIRAN
JALAN TUN RAZAK, 50694 KUALA LUMPUR.**

5. Tarikh tutup tidak lewat dari **jam 12.00 tengahari pada tarikh 7 Disember 2023.** Sebut Harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa ditetapkan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.** Istana Budaya, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran. Sebarang pertanyaan berhubung perkara di atas bolehlah menghubungi **Unit Perolehan, Istana Budaya di talian 03-4026 5555 samb. 537/524.**